

## GARIS PANDUAN PEMBUANGAN UNDI BAGI INDIVIDU POSITIF COVID-19

	<b>SYARAT YANG DIKUATKUASAKAN</b>
<b>SEBELUM HARI MENGUNDI</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengundi yang positif COVID-19 perlu melengkapkan borang khas kesihatan yang dihantar melalui pesanan ringkas (SMS) bagi memberi penekanan peranan pengundi dan calon pilihanraya positif COVID-19 semasa mengundi.</li><li>2. Calon dan jentera parti yang positif COVID-19 <b>TIDAK DIBENARKAN</b> terlibat dalam aktiviti kempen pilihan raya secara fizikal. Namun, mereka boleh menjalankan kempen secara maya semasa dalam tempoh Perintah Pengasingan (HSO) tersebut.</li></ol>
<b>PADA HARI MENGUNDI</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengundi positif COVID-19 <b>TIDAK DIBENARKAN</b> menaiki pengangkutan awam termasuk <i>e-hailing</i>, untuk ke pusat pengundi.</li><li>2. Pengundi positif COVID-19 <b>DIWAJIBKAN</b> memakai pelitup muka dan perlu kerap melakukan sanitasi tangan.</li><li>3. Pengundi positif COVID-19 digalakkan membawa <i>hand sanitizer</i> dan pen sendiri.</li><li>4. Pengundi positif COVID-19 perlu melaporkan status jangkitan COVID-19 kepada petugas KKM di pintu masuk pusat mengundi.</li><li>5. Petugas KKM akan membuat semakan status risiko COVID-19 dalam profil MySejahtera.</li><li>6. Pengundi positif COVID-19 <b>WAJIB</b> memakai pelitup muka sepanjang masa melainkan semasa pengenalan diri yang memerlukan pelitup muka dibuka ketika di tempat mengundi.</li><li>7. Pengundi positif COVID-19 akan diiringi oleh petugas KKM sehingga pintu masuk bilik mengundi (saluran) dan diberikan keutamaan bagi mengelakkan percampuran dengan pengundi lain.</li></ol>

	<b>SYARAT YANG DIKUATKUASAKAN</b>
	<p>8. Amalan penjarakan fizikal yang selamat sepanjang masa perlu dipastikan terutamanya apabila berhadapan dengan petugas ketika pelitup muka dibuka.</p> <p>9. Pengundi positif COVID-19 dikehendaki menggunakan <i>hand sanitizer</i> sebelum mencelupkan jari ke dalam dakwat pilihan raya.</p> <p>10. Biarkan dakwat pilihanraya di jari kering.</p> <p>11. Letakkan telefon bimbit di tempat yang diarahkan oleh petugas pilihan raya dan bersihkan tangan menggunakan <i>hand sanitizer</i> sebelum membuang undi.</p> <p>12. Pegawai KKM akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa.</p>
<b>SETELAH SELESAI MENGUNDI</b>	Pengundi positif COVID-19 hendaklah segera meninggalkan pusat mengundi selepas selesai mengundi dan meneruskan HSO di tempat kediaman masing-masing.

Nota:

1. Sila rujuk Carta Alir Bagi Individu Kes Positif COVID-19.
2. *Hand sanitizer* hendaklah diletakkan di pintu masuk pusat mengundi, di meja dakwat pilihan raya dan di tempat meletakkan telefon bimbit.
3. Pengundi positif COVID-19 digalakkan untuk keluar mengundi 2 jam sebelum tamat tempoh pengundian pusat mengundi masing-masing.

### **NASIHAT KEPADA SEMUA CALON DAN PENGUNDI TIDAK POSITIF**

#### **COVID-19**

- Amat digalakkan memakai pelitup muka di kawasan perhimpunan ramai dan sesak termasuk tempat mengundi.
- Kerap mencuci tangan dengan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*).
- Memastikan penjarakan fizikal dilakukan.
- Amalkan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sekiranya bergejala.

## CARTA ALIR BAGI INDIVIDU POSITIF COVID-19

Pengundi Kes Positif COVID-19 di Pusat Mengundi

### Di Pintu Masuk:

- Pengundi positif COVID-19 perlu melaporkan status kesihatan kepada petugas KKM semasa ketibaan ke pusat mengundi.
- Petugas KKM perlu membuat semakan status risiko COVID-19 dalam profil MySejahtera serta semakan saluran pengundi.
- Pengundi positif COVID-19 diwajibkan memakai pelitup muka dan membersihkan tangan dengan *hand sanitizer*.

### Ke Saluran Mengundi:

Pengundi Postif COVID-19 diberikan keutamaan bagi mengelakkan percampuran dengan pengundi lain.

### Di Dalam Tempat Mengundi:

- Semasa pengenalan diri yang memerlukan pelitup muka dibuka, pengundi positif COVID-19 perlu mengamalkan penjarakan yang selamat dengan petugas pilihan raya dan KKM.
- Pengundi positif COVID-19 perlu menggunakan *hand sanitizer* sebelum mencelupkan jari ke dalam dakwat pilihanraya.
- Biarkan dakwat pilihan raya di jari keringkan.
- Bersihkan tangan sekali lagi menggunakan *hand sanitizer* selepas meletakkan telefon bimbit di tempat yang diarahkan oleh petugas pilihan raya.
- Pengundi positif COVID-19 mengambil kertas undi.
- Pergi ke petak mengundi untuk menunaikan tanggungjawab.

### Setelah selesai mengundi:

Pengundi positif COVID-19 hendaklah segera meninggalkan kawasan mengundi dan meneruskan pengasingan diri sehingga tamat tempoh Perintah Pengasingan (HSO) yang telah ditetapkan.